



جائتین حکامین شریعہ مالسیا

KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (25)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.**

ARAHAN AMALAN NO.6 TAHUN 2015

Peraturan Penggunaan Kertas Perintah Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berkenaan pemakaian kertas perintah Mahkamah. Setiap perintah mahkamah yang dikeluarkan hendaklah dimeterai dengan materi besi.

2. Setiap pengeluaran perintah mahkamah atau penggunaan Kertas A4 yang telah dimeterai dengan materi besi tersebut di setiap Mahkamah Negeri-Negeri hendaklah tertakluk kepada peraturan di bawah ini:-

- 2.1 Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri (ibu pejabat) adalah bertanggungjawab ke atas pengawalan pengeluaran perintah mahkamah atau penggunaan Kertas A4 yang telah dimeterai dengan materi besi tersebut ;
- 2.2 Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri (ibu pejabat) hendaklah menyedia dan merekodkan nombor-nombor siri kertas keselamatan perintah tersebut sebelum diagih-agihkan ke daerah-daerah;

- 2.3 Ketua Pendaftar/Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri (ibu pejabat) boleh mewakilkan kuasanya secara bertulis mengawal pengeluaran perintah mahkamah atau penggunaan Kertas A4 yang telah dimeterai dengan materi besi tersebut kepada mana-mana Penolong Pendaftar Mahkamah Peringkat Daerah di negeri masing-masing;
- 2.4 Setiap pengeluaran perintah mahkamah atau penggunaan Kertas A4 yang telah dimeterai dengan materi besi hendaklah dicatatkan nombor siri pada Buku Daftar Pendaftaran Kes berserta tarikh pengeluarannya.
3. Arahan Amalan No. 11 Tahun 2006 mengenai Kertas Keselamatan Perintah Mahkamah adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 15 Disember 2015.



(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia